

# Qalam

KDN. 2645

M. C. (P) 2577

1387 Rabi' al-Akhir – Ogos 1967  
Bilangan 205 60 sen

## Seminar Peradaban Islam

Di kolej di ibu kota Malaysia

baharu-baharu ini telah diadakan seminar peradaban Islam dengan tujuan kononnya supaya dapat fikiran dan pandangan diberi tentang perkara-perkara yang tersebut untuk difikirkan bersama oleh seluruh masyarakat di Malaysia khususnya. Banyak fikiran-fikiran dan perbahasan-perbahasan dan tidak ketinggalan pula bidasan-bidasan yang timbul terhadap menyalahkan sesuatu golongan di dalam kepincangan masyarakat yang berlaku.

Menurut Dato' (Dr.)

Abdul Jalil Hassan seminar itu diadakan untuk memajukan agama Islam dan di antara usul- usulnya memerlukan kerjasama dari pejabat-pejabat agama secara langsung. Kalau mereka tidak datang alangkah sukarnya untuk melaksanakan syor-syor dan cadangan-cadangan dari seminar.

Keterangan yang diberi oleh beliau

ini adalah menunjukkan harapan, kepada usaha-usaha sesuatu golongan (Jabatan Agama) untuk melaksanakan sesuatu selain daripada memberi fikiran serta natijah daripada

pertengkaran itu tidak dapat pula ditentukan adakah sebenar-benarnya baik, boleh dilaksanakan dan dijalankan dengan wajarnya - atau hanya fikiran-fikiran yang timbul sebagai angan-angan Mat Jenin sahaja.

Mungkin, melihat kertas kerja yang dikemukakan, pejabat-pejabat agama itu mengetahui lebih dahulu bahawa hadirnya mereka di sana semata-mata menghadiri bidasan-bidasan yang dihadapkan kepada jabatan mereka – menyalahkan mereka sahaja, dan tidak ada binaan yang sebenarnya berfaedah untuk dijalankan yang sepatutnya dibuat oleh “ahlinya”. Jadi tidaklah ada faedahnya hadir di sana kalau sekadar mendengar fikiran-fikiran yang setengah-setengahnya pula “mentah lagi” di dalam kajian di sekeliling perkara yang dibahas.

Perhatikan sahaja kata-kata

Senator Aishah Ghani yang menyatakan bahawa mahkamah syariah di negeri ini yang tidak mempunyai kuasa bertindak dan tidak mempunyai taraf di sisi undang-undang.

Sebab itu, katanya, kadi-kadi yang menjadi hakim-hakim dalam mahkamah hanya boleh menjatuhkan hukuman tetapi tidak dapat bertindak kepada mereka yang tidak mengikut undang-undang tersebut.

Kemudian ia menyalahkan kadi-kadi kerana berat sebelah dalam menjalankan tugasnya hingga kaum wanita menjadi korban terutamanya dalam soal penceraian.

Kita tidak mahu mengulas tentang apa yang dikatakan senator

ini tetapi kita perlu menyebut bahawa inilah jenisnya seminar untuk merubah rupa keadaan masyarakat - mendahulukan menyalahkan satu-satu golongan dan tidak didapati sesuatu hujah-hujah penyelidikan yang mendalam dan luas tentang masalah-masalahnya kemudian mendatangkan syor-syor yang boleh dan dapat dilaksanakan bukan sahaja oleh Jabatan Kadi-kadi (yang seolah-olah sangat diharap oleh Dato' Abdul Jalil) tetapi juga oleh badan-badan peserta dan perseorangan kerana tidak ada ertinya kita hanya habis bercakap dan sesudah bercakap dan berbahas keluar dan terus meminta orang lain terus bekerja dan melaksanakan apa yang kita kehendaki - ini menjadikan sifat yang ada kepada kita sebagai orang yang lemah dan tidak' berupaya.

Kita telah banyak bercakap, bahkan terlampau banyak bercakap. Percakapan kita sekarang telah bercampur baur dengan percakapan orang-orang yang bukan ahlinya dan kerana itu keputusan kita tidak dapat diamal dan dijalankan sama ada di dalam jangka panjang atau jangka pendek.

Perhati sahaja perkara-perkara di bawah ini:

Wakil Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor telah menyalahkan kerajaan kerana membiarkan kaum Kapitalis membawa masuk filem-filem, buku-buku dan kebudayaan Barat hingga menyebabkan rakyat negara ini rosak akhlakunya.